

23 AUG 2001

Polis-Suhakam

POLIS ULAS KENYATAAN SUHAKAM TIGA ATAU EMPAT HARI LAGI

SEPANG, 23 Ogos (Bernama) -- Polis dijangka mengambil masa tiga atau empat hari lagi untuk mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung laporan siasatan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) yang menuduhnya mencabuli hak asasi pada perhimpunan haram di Lebuhraya Kesas-Jalan Kebun, November lepas.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Datuk Abdul Hamid Mustapha berkata polis memerlukan masa untuk berbincang mengenai kenyataan itu.

"Suhakam mengambil masa selama empat atau lima bulan sebelum dapat mengeluarkan kenyataan begitu, jadi polis pun perlulah sedikit masa untuk berbincang terlebih dahulu sebelum buat apa-apa komen," katanya pada sidang media selepas menyaksikan demonstrasi serbuan terhadap sebuah pesawat penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini.

Laporan yang diumumkan oleh pesuruhjaya Suhakam Tan Sri Anuar Zainal Abidin pada Isnin lepas merumuskan bahawa polis bertanggungjawab terhadap beberapa pencabulan hak asasi dalam tindakannya menyurui perhimpunan pada 5 Nov lepas itu.

Suhakam membuat rumusan berhubung pencabulan oleh polis itu selepas mendengar keterangan 46 saksi yang terbabit dalam perhimpunan tersebut.

Abdul Hamid berkata lebih baik sekiranya beliau tidak memberikan sebarang ulasan berhubung kenyataan Suhakam tersebut pada masa ini.

"Jangan bimbang, saya percaya pihak polis akan mengeluarkan kenyataan mengenainya tidak lama lagi, cuma ambil masa sedikit sebab beberapa pegawai berkaitan tidak ada," katanya.

Menjawab satu soalan, Abdul Hamid berkata orang ramai boleh menyuarakan pendapat mereka berhubung isu itu, namun semua pandangan mereka adalah lebih sebagai pandangan orang luar yang tidak langsung terbabit dalam kejadian pada hari berkenaan.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa Suhakam terlalu terpengaruh dengan pemikiran cara Barat padahal badan itu sepatutnya mengutamakan kepentingan negara dan hak asasi rakyat tempatan.

-- BERNAMA

AZH HS MAI